

Jiwa bergelora umpama dentuman guruh di langit, resah perasaan mengiringi kekalutan cuaca pada hari itu. Semangat perjuangan bersam-sama rakan kembali berkobar-kobar seiring dengan semaraknya nyalaa api dapur ini. Lama sudah rasanya kami tidak beraksi hampir dua bulan rasanya, rindu tidak tertanggung lagi untuk menatap wajah mereka yang memerlukan sentuhan motivasi memperbaiki diri.

"Tuan apa projek minggu ni," kata Atok, tiba-tiba sahaja Atok memecah kesunyian.

"Mana ada projek lagi. Belum ada rezeki lagi, tungguh dulu," U Aziz menjawab.

"Woi! Hang tak ada apa-apa projek ke minggu ni," sergah Sheikh Azrai kepada aku.

"Projek apa, mana ada. Projek montelkan badan adalah, nak *join* ke?" seloroh aku.

"Apalah kau ni, asyik ingat makan sahaja," Ajak menyampuk.

Ragam kami bila bersembang, pasti tentang projek yang dijalankan untuk membantu remaja memantapkan keutuhan mereka terhadap agama, bangsa dan negara. Keuntungan duit bukan ukuran tetapi keuntungan akhirat yang cuba dicapai.

"Assalamualaikum, apa khabar semua," tiba-tiba suara Abang Rul menyapa mesra. Air mukanya menggambarkan sesuatu yang menggembirakan.

"Rezeki ni beb, ada projek baik punya," tambah Abang Rul sambil menunjukkan sepeucuk surat.

Kami membaca isi kandungannya, permohonan menjalankan satu kem motivasi untuk pelajar-pelajar bermasalah. Harapannya tinggi untuk kami menerimanya.

Wah! baru cerita, projek sudah datang dengan izin-Nya.

"So... bila nk bincang ni Ustaz," tanya Sheikh Azrai.

"Mmm... Esok kita bincang, malam ni kita tengok jadual kita," jawab U Aziz.

Ding dong! Bunyi aplikasi telefon bimbit menyentak aku. Mesej panggilan perbincangan di terima. Tergesa-gesa aku bersiap dan melangkah kaki menuju ke pejabat U Aziz untuk mengikuti sesi perbincangan projek semalam. Perbincangan pun dimulakan dan dari maklumat ringkas ia agak mencabar kerana sasarannya adalah khusus untuk 60 pelajar lelaki yang bermasalah.

"Ni bukan calang-calang tau. Peserta kali ni pelajar-pelajar yang sangat tinggi masalah disiplinnya," kata U Aziz meminta kepastian semua.

Kami setuju sahaja dan bersedia menerima arahan seterusnya. Langkah seterusnya adalah membuat persiapan mental dan fizikal. Projek kali ni memerlukan persediaan yang jitu dan langkah-langkah tambahan bagi menghadapi apa jua situasi yang bakal berlaku.

U Aziz selaku ketua kami membahagikan setiap tugas dan peranan yang perlu dipegang dan dilaksanakan oleh kami. Oleh kerana peserta kali ini agak mencabar, persediaan fizikal dan mental yang mantap perlu dilakukan dan kalau ada baju perisai perlu dibawa sekali.

Selesai perbincangan kami balik, sambil di dalam kepala aku berenang di lautan akal mencari idea-idea yang bernas untuk



dibawa pada esok hari.

Ding dong... bunyi alarm, lantas aku bangun menyiapkan diri dan menuju ke surau berdekatan dan usai urusan peribadi aku melangkah menuju ke tempat yang telah kami janjikan.

Apabila aku sampai semua rakan-rakanku, Ajak, U Aziz, Abang Rul, Sheikh Azrai dan Atok telah siap sedia menunggu dengan penuh sabar. Lengkap semua, bergeraklah kami semua ke sekolah yang telah ditentukan dan sampai sahaja, tanpa membuang masa kami terus mendengar taklimat ringkas dari cikgu untuk mendapatkan maklumat terkini dan penyerahan peserta kepada kami.

"Assalamualaikum dan salam sejahtera semua. Baris bertiga-tiga di hadapan saya dan dalam keadaan senyap," arahan pertama yang dilontarkan oleh Sheikh Azrai selaku Kem Komandan kali ini.

Semuanya berjalan lancar sehingga jumlah peserta tidak sama dengan jumlah nama yang terdapat di dalam senarai peserta.

"Ini sungguh ajaib. Lebih separuh daripada 60 peserta tidak kelihatan," luah Sheikh Azrai.

U Aziz selaku ketua berurusan dengan cikgu bagi mencerahkan keadaan yang berlaku, rupanya ini adalah salah satu masalah pelajar-pelajar tersebut dan ramai peserta yang menunjukkan sikap memberontak dan kurang ajar mereka. Tiba-tiba aku terdengar nama aku dipanggil oleh Sheikh Azrai bagi membantu menguruskan peserta yang cuba menimbulkan masalah.

"Aduh! Aku ah, yang kena *handle*. Apa aku nak buat ni sambil berdoa memohon pertolongan ALLAH," bisik hati aku apabila

menerima arahan dari kem komandan.

Dengan langkah berani seperti seorang panglima, seteguh tiang bendera yang berdiri tegak di tapak perhimpunan, aku mengumpulkan mereka sambil dibantu oleh Abang Rul, Atok dan Ajak.

"Bukan kami yang nak datang, cikgu yang paksa kami, suka hati kamilah," dengan bahasa yang agak kasar keluar dari mulut salah seorang dari peserta tersebut, memeranjatkan kami.

Aku pandang Atok, Ajak dan Abang Rul, mereka pun terdiam dan ada yang agak berubah mimik muka menahan rasa marah akibat terkejut dengan jawapan yang diterima dari mereka. Aku terus berdoa kepada ALLAH semoga dipermudahkan dan mendapat pertolongan-Nya bagi menyelami hati mereka.

Dengan lafaz "Bismillah" aku pun cuba memancing hati dan perasaan mereka yang walaupun gelagat mereka mencabar kesabaran kami dan keikhlasan kehadiran kami.

"Assalamualaikum Warahmatullah!, tak jawab dosa," aku berseloroh dengan mereka.

Mereka membalas salam dengan penuh keterpaksaan dan riak muka yang pelbagai menggambarkan rasa kurang puas hati mereka.

"Lembut juga hati mereka ni," bisik hati aku.

"Anak-anak yang kami sayangi, walaupun apa tanggapan kamu kepada kami dan cikgu-cikgu kamu, saya dan rakan-rakan tetap menerima kamu sebagai saudara kami dan tetap meneruskan amanah kami kerana rasa hormat dan kasih sayang kami kepada kamu semua," petah aku berkata-kata atas pertolongan ALLAH.

Aku menyambung lagi kerana dari sinaran mata mereka terpancar sesuatu yang kami rasa boleh mencapai 95 peratus sasaran matlamat kem ini.

"Anak-anak sekian, kalau kamu rasa terpaksa dan benci, saya dan rakan-rakan saya, sangat teruja dan gembira sehingga kami sanggup meninggalkan anak-anak dan isteri yang kami sayangi untuk bersama dengan kamu semua. Sedangkan kami tidak mengenali kamu semua.

Tergambar sedikit perubahan pada mimik muka dan gaya mereka. Langkah seterusnya kami melantik peserta yang paling hebat dan paling digeruni dalam kalangan mereka menjadi ketua.

"Awak kami lantik sebagai Penghulu sepanjang kem ini berlangsung," arahan daripada Sheikh Azrai membuat peserta tersebut terkejut, sambil dia membisikkan ke telinga aku.

"Bang, ini kali pertama orang beri kepercayaan kepada saya," aku membalasnya, "Tahniah dan jalankan tugas dengan baik."

Usai pelantikan jawatankuasa kem, kami meneruskan tugas seterusnya melalui arahan penghulu, pendekatan kami nampaknya membuahkan hasil apabila perjalanan program lebih teratur dan berjalan lancar. Disiplin peserta pula ada perubahan di mana ketepatan masa dan tingkah laku bertambah baik dan budaya hormat menghormati menjadi lebih mudah.

"Alhamdulillah, nampaknya semua telah berjalan lancar tak seperti hari pertama," pembuka kata U Aziz sewaktu sesi musyawarah malam kami.

Kami mengangkuatkan kepala tanda setuju dengan pendapatnya dan malam ini adalah malam kemuncak dan merupakan hari terakhir bersama dengan mereka.

Slot Oh Ibu benar-benar memberi impak kepada hati mereka sehingga terjunnya air mata mereka seperti turunnya air bukit yang telah lama tidak ditimpa hujan. Mereka teresak-esak memohon maaf kepada cikgu-cikgu. Mereka terharu dengan apa yang berlaku kepada murid-murid mereka pada malam itu. Rupanya situasi ini tidak pernah berlaku sebelum ini.

Kami tidak sangka dan bersyukur apabila mendapat maklum balas yang baik dari cikgu-cikgu terutama ustazah yang begitu terharu dengan projek ini.

"Saya berterima kasih dan sangat terharu, apabila mereka ini menangis teresak-esak meminta maaf kepada saya di atas perbuatan mereka selama ini. Selama ini mereka tidak pernah menghormati saya. Ini kali pertama mereka meminta maaf kepada saya dan saya bersyukur sangat dan terima kasih bebanyak semua yang terlibat," luahan dari ustazah yang mengajar di sekolah tersebut.

Bergenangnya air mata dan perjanjian yang termateri sesama mereka, maka berakhirhlah episod projek kami hari ini, kami bersyukur kepada ALLAH kerana atas pertolongan dan barakah-Nya semuanya berjalan lancar dan mencapai sasaran yang dikehendaki oleh pihak sekolah.

Kami pun bersiap dan pulang ke rumah masing-masing dengan kepenatan tetapi aku dapat melihat air muka keterujaan pada wajah semua kerana berpuas hati dengan hasil projek kali ini.